

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(9)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 10 TAHUN 2016**

**Tarikh** : **26 Oktober 2016 (Rabu)**

**Masa** : **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN PENGERUSI**

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2016 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 PROGRAM KARNIVAL MINI MEGA SALES SELANGOR**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya bersama Pejabat Tanah dan Daerah Petaling akan menganjurkan **Program Karnival Mini Mega Sales Selangor**. Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **5 dan 6 November 2016 (Sabtu & Ahad)**  
**Masa** : **10.00 pagi – 9.00 malam**

**Tempat : Kompleks Membeli Belah Summit  
USJ, Subang Jaya, Selangor**

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan untuk para pengunjung. Antara aktiviti tersebut ialah pertandingan mewarna, persembahan buskers, jualan food truck, pertandingan menyanyi kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan, derma darah, jualan baja kompos, bengkel jawatankuasa dan penggerak peniaga serta program inisiatif hijau bersama sekolah komuniti dan korporat.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

## **2.2 PERLAWANAN AKHIR SELANGOR CHAMPIONS LEAGUE 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menjadi *venue* perlawanan akhir pertandingan bolasepak **Selangor Champions League 2016**. Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 12 November 2016 (Sabtu)**  
**Masa : 6.00 petang – 11.00 malam**  
**Tempat : Arena MPSJ, USJ 5, Subang Jaya,  
Selangor**

Program ini akan dihadiri oleh DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dan seterusnya akan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir untuk menyaksikan perlawanan akhir ini.

### **2.3 PROGRAM BIG GIRLS TALK**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Big Girls Talk**. Program ini bertujuan membantu remaja dalam membuat pilihan yang bijak mengenai tingkah laku yang berisiko tinggi seperti penglibatan seksual sebelum perkahwinan. Program ini juga memberikan penerangan bagi remaja untuk mengenalpasti dengan jelas akan kesan-kesan yang berkaitan dengan aktiviti seksual sebelum berkahwin. Sasaran peserta bagi program ini ialah remaja perempuan berusia 13 tahun sehingga 16 tahun.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 12 November 2016 (Sabtu)**  
**Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang**  
**Lokasi : Dewan Kenanga, Aras 1, MPSJ**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

### **2.4 PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN ANTARA JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MPSJ SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Pertandingan Berbalas Pantun antara JKP MPSJ Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2016**. Objektif program ini ialah untuk menyemarak dan memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dikalangan masyarakat.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **19 November 2016 (Sabtu)**  
**Masa** : **8.00 pagi – 2.00 petang**  
**Lokasi** : **Bilik Jebat, Aras G, Kompleks 3C MPSJ,  
SS13, Subang Jaya, Selangor**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

## **2.5 PROGRAM 'TOWN HALL MEETING' SIRI 4/2016 BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR (DNS) SUBANG JAYA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program 'Town Hall Meeting'** bagi Dewan Negeri Selangor (DNS) Subang Jaya yang melibatkan **JKP Zon 1 hingga Zon 5**.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **26 November 2016 (Sabtu)**  
**Masa** : **9.00 pagi – 12.00 tengah hari**  
**Lokasi** : **Gelanggang Berbumbung,  
Laman Sukan USJ 1, Jalan USJ ½,  
Subang Jaya, Selangor**

Program '*Town Hall Meeting*' merupakan medium komunikasi dua hala antara pihak Majlis dan masyarakat setempat untuk mengemukakan pandangan dan idea demi kepentingan bersama. Program ini dianjurkan adalah bertujuan:

- a) Medium penyaluran maklumat antara pihak Majlis dan komuniti;
- b) Mendapatkan maklumat berkenaan permasalahan dan aduan penduduk yang berkaitan untuk diselesaikan oleh pihak Majlis;
- c) Menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti dan program kemasyarakatan anjuran MPSJ; dan

d) Menyalurkan maklumat dan penerangan berhubung aktiviti, program dan dasar MPSJ kepada masyarakat.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

## **2.6 PERTANDINGAN KABBADI MPSJ 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Pertandingan Kabbadi MPSJ 2016. Pertandingan ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh MPSJ dan Persatuan Kabbadi Malaysia. Penganjuran pertandingan ini diharap dapat membantu mencungkil bakat baru dalam sukan kabbadi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **26 November 2016 (Sabtu)**  
**Masa** : **9.00 pagi – 11.00 malam**  
**Lokasi** : **Kompleks 3K MPSJ, Serdang Raya**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

## **2.7 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Sehingga minggu epid 41, MPSJ telah mencatatkan sebanyak 7,776 kes demam denggi berbanding 8,918 kes pada tempoh yang sama pada tahun lalu. Statistik ini menunjukkan penurunan sebanyak 12.81%.

Bilangan kes demam denggi ketika ini menunjukkan penurunan iaitu 121 kes pada epid 41 berbanding dan 147 kes pada epid

yang sama tahun lalu. Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD) sedang merancang untuk meneruskan operasi bersepadu bersama PBT daerah Petaling yang dijangka akan disambung semula seawal minggu hadapan. Operasi bersepadu ini akan turut melibatkan agensi lain seperti polis, JPS dan Pejabat Tanah.

**Lokaliti hotspot demam denggi pada minggu epid ke 41 adalah berjumlah 12.** Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>ZON</b>	<b>BILANGAN LOKALITI HOTSPOT</b>
1.	Subang Jaya	0
2.	Seri Serdang	7
3.	Seri Kembangan	5
4.	Kinrara	0
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>

## **2.8 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM**

Sehingga bulan September 2016 sebanyak 168 Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan 12 sitaan kenderaan telah dilakukan. Sebanyak 46 NTK dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), 75 NTK di bawah Seksyen 6 (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan 47 NTK di bawah Seksyen 12 (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007.

Pihak Majlis akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah di tempat yang tidak dibenarkan.

## **2.9 PELANCARAN BAS SMART SELANGOR MPSJ BAGI LALUAN BARU IAITU LALUAN 2 DAN 3 PADA 28 OKTOBER 2016 (JUMAAT)**

Penjenamaan dan imej bas percuma dikenali sebagai **Bas Smart Selangor**. **Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya** yang dahulunya dikenali sebagai Bas Selangorku Majlis Perbandaran Subang Jaya. Modus operandi Bas Smart Selangor ini adalah bertujuan untuk mengintegrasikan antara Bas Smart Selangor dengan mod pengangkutan lain iaitu BRT Laluan Sunway dan juga sambungan LRT Laluan Kelana Jaya dan LRT Laluan Ampang.

Fasa pertama Pelancaran **Bas Smart Selangor** di Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah diadakan pada **3 Julai 2015** di Stesen 7 BRT Laluan Sunway, Persiaran Kewajipan USJ 6, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Operasi perkhidmatan **Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya** ini telah bermula sejak 1 Julai 2015 dan sehingga kini.

Oleh kerana sambutan yang memberangsangkan perkhidmatan **Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya** telah diperluaskan ke kawasan Puchong dan Kinrara.

Laluan baru yang terlibat adalah seperti berikut:

**1) LALUAN 2**  
**(TESCO PUCHONG-IOI MALL-SUNWAY MEDICAL CENTRE-SUNWAY PYRAMID-KOMPLEKS 3C-LRT SS18-KOLEJ INTI-SKYPOD RESIDENCE-TESCO PUCHONG)**

## 2) LALUAN 3

### **(LRT BK5-SMK BANDAR KINRARA-PASAR PAGI TK 3-SMK BATU 8-SMK BANDAR PUCHONG JAYA-TAMAN PAIK SIONG-KINRARA COURT-LRT BK5)**

Laluan 2 dijangka mempunyai bilangan *ridership* yang tinggi kerana menghubungkan antara Puchong dan Subang Jaya di mana tiada perkhidmatan bas pada masa ini. Selain itu merujuk kepada pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Laluan 2 ini mempunyai potensi dan permintaan yang tinggi kerana tiada perkhidmatan bas yang menghubungkan kawasan tersebut.

Manakala Laluan 3 juga telah diintegrasikan dengan baik yang menghubungkan stesen LRT dengan kediaman penduduk yang berkepadatan sederhana dan tinggi.

Kaedah pelaksanaan perkhidmatan Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya ini telah dilaksanakan melalui pendekatan **Kaedah kontrak / perjanjian** antara MPSJ dengan Rapid KL dari tempoh pelaksanaan (12 bulan).

**Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya** untuk Laluan 2 dan Laluan 3 iaitu dengan satu laluan dan sebanyak 4 buah bas mempunyai kos operasi berjumlah **RM1,252,920.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Dua Ratus Lima Puluh Dua Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Sahaja)** termasuk 6% GST selama setahun. Jumlah anggaran keseluruhan untuk kedua-dua laluan adalah sebanyak **RM2,505,840.00 (Ringgit Malaysia : Dua Juta Lima Ratus Lima Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Sahaja)** termasuk **6% GST**. "Business Model" yang diberikan untuk bas 12 meter adalah RM800.00 sehari untuk sebuah bas.

Laluan 2 dan 3 adalah laluan tambahan dan peruntukan ini telah diberikan kepada MBSA dan MPSJ. Mesyuarat Jawatankuasa



Tetap Pengangkutan Negeri Selangor Bil. 2/2016 bertarikh 15 Mac 2016 telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM1.25 juta untuk satu laluan. Manakala bagi satu laluan lagi adalah di bawah tanggungan MPSJ.

Pelaksanaan perkhidmatan **Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya** adalah sebagai galakan kepada penduduk untuk meningkatkan *modal share* iaitu menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian serta mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar yang padat dengan penduduk.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian dan Pelancaran **Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Subang Jaya** akan diadakan pada 28 Oktober 2016 (Jumaat) di LRT Stesen Pusat Bandar Puchong berhampiran Tesco Puchong.

## **2.10 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR KE-13 (TIGA BELAS) TAHUN 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke 13 tahun 2016 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

### Tarikh-tarikh Mesyuarat

- i) **31 Oktober 2016 (Isnin) jam 10.00 pagi (Ucapan Bajet 2017)**
- ii) **1 November – 4 November 2016 (Selasa – Jumaat)**
- iii) **7 November – 11 November 2016 (Isnin – Jumaat)**

### **Waktu Persidangan :**

Waktu persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 4.30 petang, **kecuali** pada hari

Jumaat akan bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.30 petang.

**Tempat : Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, Selangor**

### **2.11 JEMPUTAN KEPADA PEMIMPIN MASYARAKAT : AHLI MAJLIS KE PEMBENTANGAN BELANJAWAN NEGERI SELANGOR 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Pembentangan Belanjawan Negeri Selangor 2017 oleh YAB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat DUN Ketiga Belas Tahun 2016.

Maklumat sesi pembentangan tersebut adalah seperti berikut:

**Tarikh : 31 Oktober 2016 (Isnin)**  
**Masa : 10.00 pagi**  
**Tempat : Lobi Bangunan Annex,  
Dewan Negeri Selangor**  
**Pakaian : Lounge Suit Gelap + Tali Leher  
(Lelaki)  
Tertib serta Blazer (Wanita)**

Semua Ahli Majlis adalah dijemput hadir ke sesi pembentangan tersebut.

### **2.12 UCAPAN KHAS Pengerusi Mesyuarat**

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan saya, mewakili pihak pengurusan dan warga kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya

mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang menganut agama Hindu yang akan disambut pada **29 Oktober 2016 (Sabtu)**.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 09/2016**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 26 September 2016 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 9/2016 bertarikh 10 Oktober 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Isu pencemaran sungai.	Beliau memaklumkan bahawa pencemaran sungai merupakan isu yang sensitif. Sehubungan itu, beliau memohon penjelasan pihak Majlis berkaitan tindakan penguatkuasaan yang dilakukan bagi mengawal

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pencemaran sungai terutamanya yang melibatkan aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan pihak Majlis sentiasa peka dan memberi perhatian berhubung isu pencemaran sungai. Pihak Majlis kerap membantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melakukan pemantauan serta tindakan penguatkuasaan.</p>
2.	-	Encik Yap Kok Weng	Bantuan penghantaran air menggunakan lori tangki air ( <i>tanker</i> ) MPSJ.	<p>Beliau memaklumkan terdapat beberapa kawasan seperti Puchong, Kinrara dan USJ yang mengalami masalah gangguan bekalan air ekoran penutupan Loji Rawatan Air Semenyih. Sehubungan itu, beliau meminta pihak Majlis membantu menghantar air ke kawasan tersebut.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				bahawa pihak Majlis tiada lori tangki air khusus bagi tujuan tersebut. Walaubagaimanapun, MPSJ mengambil inisiatif menyediakan kemudahan tempat mandi kepada penduduk di Kompleks 3K, SS13 dan beberapa Dewan Serbaguna MPSJ meliputi zon Puchong, Subang Jaya, Seri Kembangan dan Kinrara semasa krisis bekalan air ini berlaku.

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.17/2016 bertarikh 11 Oktober 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.7 & m/surat 64	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Perusahaan	Beliau meminta pihak Majlis untuk membuat pertimbangan semula berhubung kelulusan yang diberikan kerana masalah kesesakan laulintas dijangka akan berlaku di kawasan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Kepada Sekolah Antarabangsa di Jalan SS13/4, Subang Jaya untuk Sekolah Sri Ucsi Sdn. Bhd.	<p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis mengambil perhatian perkara tersebut dan meminta supaya <i>Traffic Impact Assesment</i> (TIA) dilakukan.</p>
2.	Para 6.14 & m/surat 72	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Kedai Pejabat Kepada Kolej Pendidikan Swasta di Pusat Perdagangan One Puchong untuk Global Education Network Sdn. Bhd.	<p>Beliau memaklumkan mengenai masalah kekurangan tempat meletak kenderaan akan berlaku di kawasan tersebut.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan tempat meletak kenderaan adalah mencukupi bagi menampung kegunaan Kolej Pendidikan Swasta tersebut.</p>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2016 bertarikh 19 Oktober 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.12 & m/surat 53	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Cadangan Bagi Sebuah Pusat Pameran Dan Jualan 1 Tingkat di Taman Sri Puchong untuk Glenmarie Puchong Sdn. Bhd.	Beliau meminta pihak Majlis untuk memastikan pemohon menjalankan kerja-kerja infra seperti pembinaan jalan dan lampu isyarat terlebih dahulu sebelum kerja-kerja lain diteruskan.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa kelulusan yang diberikan kepada pemaju adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi termasuklah seperti perkara di atas.

### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 9/2016 bertarikh 11 Oktober 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 9/2016  
bertarikh 13 Oktober 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 9/2016  
bertarikh 14 Oktober 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.10 & m/surat 11	Encik Chang Kim Loong	Cadangan Untuk Menguatkuasakan Cukai Taksiran Bagi Stesen LRT 13, Persiaran Putra Heights, 47650, Subang Jaya, Selangor Termasuk Kemudahan Tempat Letak Kereta Berbayar Dan Bangunan Pencawang Elektrik Mulai 1 Januari 2017.	Beliau mencadangkan agar kadar nilai tahunan disemak semula kerana pihak Majlis berpotensi untuk mendapatkan nilai tahunan yang lebih tinggi. Beliau turut mencadangkan MPSJ menjemput Dr. Ernest Cheong untuk memberi taklimat berhubung perkara ini.



## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 9/2016 bertarikh 18 Oktober 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 11.1 & m/surat 11	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan Pelaksanaan Program Pemutihan Perniagaan Di Kampung Tradisi Dan Kampung Baru Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.	Beliau bersetuju dengan kelulusan yang diberikan berhubung perkara ini namun terdapat beberapa aspek yang perlu diperincikan seperti Perkara iv (Kelulusan permit adalah bagi premis di bawah 1000 kaki persegi sahaja).
2.	Para 11.3 & m/surat 16	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan Menggunakan Garis Panduan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) Negeri Selangor Di Peringkat MPSJ.	Beliau meminta penjelasan mengenai syarat-syarat kelulusan lesen trak bergerak yang diberikan oleh MPSJ. Beliau turut mencadangkan agar kelulusan lesen trak bergerak ini dikawal mengikut lokasi tertentu.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Pengarah Jabatan Pelesenan memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengawal kelulusan lesen

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				trak bergerak mengikut kesesuaian lokasi yang dipohon. Disamping itu juga, Ahli Majlis akan dijemput sebagai panel penemuduga bagi pemilihan permohonan lesen trak bergerak.

## **8.0 PENUTUP**

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **November 2016** akan diadakan pada **30 November 2016 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.**  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S<br>Yang Dipertua MPSJ   | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "                       |
| 5.  | Encik Edwin Lim Hock Lee  | - | "                       |
| 6.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "                       |
| 7.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 8.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 9.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan  | - | "                       |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "                       |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "                       |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "                       |
| 15. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |
| 16. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "                       |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 17. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen           | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu         | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.           | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki                       | - | " |
| 22. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo           | - | " |

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                       |   |             |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tuan Hj. Jaber bin Ami                | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Tai Cheng Heng                  | - | "           |
| 3. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A    | - | "           |
| 4. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | "           |

#### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari  
Pengarah, Jabatan
10. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
11. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Noraziah binti Ali  
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
16. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

18. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
19. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
20. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
21. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
22. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
23. Encik Mazrul Zahar bin Mohd  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
24. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
25. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
26. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
27. Encik Mohd Fikri bin Misro  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
28. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
29. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
30. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

31. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
34. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
35. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
36. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
37. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam
38. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
39. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
40. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
41. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
42. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
43. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang



44. Puan Nurul Saadah binti A.Wahab  
Penolong Pengarah Jabatan Undang-Undang
45. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti

### **URUS SETIA**

1. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh - Setiausaha  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan Mesyuarat
2. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan